

Kuantan diisytiharkan bandar raya



Bandaraya Kuantan

BERNAMA

am@hmetro.com.my

Kuantan: Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah mengisytiharkan Kuantan, ibu negeri Pahang sebagai bandar raya dalam majlis bersejarah hari ini.

Al-Sultan Abdullah dalam titahnya, menzahirkan hasrat mahu melihat Kuantan yang mula wujud pada pertengahan kurun ke-19 menerusi sistem penubuhan Kuantan Sanitary Board pada 1 Ogos 1913 terus mencipta lebih banyak kejayaan sebagai sebuah bandar raya yang unggul.

"Namun, penubuhan sebuah bandar raya bukanlah semata-mata pada nama. Justeru, dalam meniti hari-hari mendatang, kerajaan negeri beta dan Majlis Bandaraya Kuantan hendaklah sentiasa menumpukan usaha ke arah peningkatan kesejahteraan dan perkhidmatan yang mengutamakan rakyat.

"Marilah kita berdoa pada hari yang bersejarah ini semoga bandar raya Kuantan menjadi menjadi sebuah bandar raya unggul dan sentiasa berada dalam perlindungan Allah SWT," titah Seri Paduka.

Al-Sultan Abdullah yang juga Sultan Pahang terdahulu berkenan mencemar duli menyempurnakan Majlis Pemasyhuran Bandaraya Kuantan di Kompleks Bandaraya Kuantan di sini, yang berlangsung dalam suasana sederhana mematuhi prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang berkuat kuasa di Pahang.

Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah turut berangkat, diiringi anakanda-anakanda Seri Paduka Baginda termasuk Pemangku Raja Pahang Tengku Hassan Ibrahim Alam Shah.

Hadir sama ialah Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dan isteri Puan Sri Noorainee Abdul Rahman Menteri Besar Pahang Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Zuraida Kamaruddin, Menteri Komunikasi dan Multimedia Datuk Saifuddin Abdullah serta barisan pentadbiran negeri Pahang.

Pada majlis itu, Al-Sultan Abdullah juga berkenan melantik Yang Dipertua (YDP) Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) Datuk Hamdan Hussin sebagai Datuk Bandar pertama Kuantan, selain berkenan merasmikan Kompleks Bandaraya Kuantan.

Kuantan diisytiharkan sebagai ibu negeri pada 27 Ogos 1955.

Sementara itu, Wan Rosdy dalam ucapannya menyifatkan keberangkatan Seri Paduka Baginda ke majlis itu sebagai mengimbuai sejarah perubahan status daerah Kuantan kerana mengulangi peristiwa lebih 40 tahun lalu, iaitu semasa Kuantan dinaik taraf daripada bandaran kepada majlis perbandaran pada 1 September 1979.

"

Ketika itu, Seri Paduka yang masih bujang, usia baharu mencecah 20 tahun berangkat sebagai Pemangku Raja Pahang dalam pakaian sut berwarna biru muda menyempurnakan pelancaran majlis tersebut dan hari ini, selepas lebih empat dekad, berangkat menyempurnakan pempasyhuran sebagai bandar raya.

Patik juga menjunjung kasih kepada sumbangan besar Almarhum Sultan Ahmad Shah Al-Musta'in Billah yang semasa hayat baginda, dari semasa ke semasa, memandu sendiri kenderaan sambil meninjau keadaan dan kemajuannya.

"Kejayaan Kuantan hari ini, juga banyak terhutang kepada pemerintahan dan pentadbiran yang lepas," katanya.

Wan Rosdy juga menyatakan kesediaan beliau bersama jentera pentadbiran negeri untuk berusaha sebaiknya dalam menjunjung titah Seri Paduka Baginda berhubung hasrat melihat Kuantan mencapai lebih banyak kejayaan.

Sementara itu, Hamdan yang bergelar YDP MPK sejak 19 Jun 2019 dalam sumpah jawatannya berjanji akan melaksanakan tanggungjawab sebagai Datuk Bandar dengan penuh berintegriti, jujur dan amanah serta mengharamkan rasuah bagi dirinya selain akan mendedahkan mereka yang mengamalkan rasuah.

Artikel ini disiarkan pada : Ahad, 21 Februari 2021 @ 2:24 PM